



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

### KEDUDUKAN DAYA SAING MALAYSIA DALAM *GLOBAL INNOVATION INDEX (GII) 2022*

---

**PUTRAJAYA, 30 September 2022** – Malaysia menduduki tangga ke-36 daripada 132 buah negara berdasarkan Laporan *Global Innovation Index (GII)* Tahun 2022 yang telah dikeluarkan oleh *World Intellectual Property Organization (WIPO)* di Geneva, Switzerland. Kedudukan ini amat membanggakan negara setelah mengharungi pelbagai cabaran semasa pandemik COVID-19.

Malaysia merupakan negara ke-3 paling berinovatif selepas China dan Bulgaria dalam kalangan 36 *upper-middle income countries* berdasarkan Laporan GII 2022. Bagi negara ASEAN pula, Malaysia kekal berada di tempat ke-2 selepas Singapura.

Malaysia berada di kedudukan pertama bagi dua (2) indikator iaitu *High-tech exports* dan *Creative goods exports*. Tiga (3) daripada tujuh (7) tonggak menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021 iaitu *Market Sophistication* (26 berbanding 30), *Institutions* (34 berbanding 41) dan *Human Capital and Research* (38 berbanding 39).

Bagi memastikan prestasi inovasi negara kekal berdaya saing di peringkat global, MOSTI telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Inter-Agenzi Pemantauan Daya Saing *Global Innovation Index (JIPGII)* melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi memantau pencapaian prestasi daya saing negara. Ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 untuk meningkatkan pencapaian GII negara.

Untuk merealisasikan hasrat ini dan meningkatkan ekonomi berteraskan inovasi, kerajaan mengambil pendekatan Keluarga Malaysia atau *whole of nation approach* yang melibatkan semua jentera kerajaan, industri, akademia dan masyarakat.

**# TAMAT #**

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
30 SEPTEMBER 2022**